SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2019 Pengajian Perniagaan Sem 1 Muar

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

946/1
Pengajian
Perniagaan
Kertas 1

Pentaksiran
STPM
Tahun 2019

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS SATU

(1 jam 45 minit)

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MUAR

PENTAKSIRAN STPM TAHUN 2019
PENGGAL SATU

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **SEMUA** *soalan dalam Bahagian A*

Jawab soalan 11 dalam Bahagian B

Jawab soalan 12 atau 13 dalam Bahagian B

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

Bahagian A [50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Huraikan **tiga** peranan perniagaan kepada masyarakat. [6]

2 Senaraikan **empat** pihak berkepentingan bagi perniagaan klinik swasta. [4]

3 Jelaskan **dua** kaedah pemeriksaan dalam proses kawalan kualiti. [4]

4 Huraikan **dua** kaedah kawalan inventori. [4]

5 *(a)* Lakarkan saluran agihan produk pengguna yang melibatkan pengantaraan pemborong dan peruncit. [4]

(b) Berikan **satu** contoh bagi penggunaan saluran agihan produk pengguna. [2]

6 Nyatakan **lima** langkah proses pembelian produk baharu. [5]

7 *(a)* Jelaskan maksud *pembiayaan ekuiti*. [2]

(b) Nyatakan **tiga** kebaikan pembiayaan ekuiti. [3]

8 Huraikan **tiga** prinsip takaful. [6]

9 Nyatakan **empat** faktor penentu yang diambil kira oleh syarikat untuk memberikan pampasan kepada pekerjanya. [4]

10 Bezakan latihan sambil bekerja dengan latihan di luar tempat kerja. [6]

Bahagian B [50 *markah*]

11 **Restoran Man Ayam Kampung**

Restoran Man Ayam Kampung dimiliki oleh Encik Mohd Sahman Mohd Yusoff telah beroperasi di Pusat Bandar Putra Permai, Seri Kembangan, Selangor dengan menyajikan lebih 40 jenis masakan kampung yang popular di seluruh Malaysia. Kebanyakan pelanggan adalah penduduk sekitar Putrajaya dan lembah Klang dan telah beroperasi sejak Februari 2018. Restoran Man Ayam Kampung menyasarkan pelanggan dari pelbagai negeri yang tercari-cari restoran yang menyajikan hidangan kampung untuk dinikmati pada waktu tengah hari. Menurut pemilik Restoran Man Ayam Kampung, beliau bercadang akan membuka dua lagi cawangan di Putrajaya dan Sungai Besi pada tahun 2019.

Setiap hari Restoran Man Ayam Kampung menggoreng lebih 90 ekor ayam kampung dara. Ayam kampung dara digunakan disebabkan isinya lebih lembut. Bagi sotong pula, hampir 80 ekor sotong besar diperlukan setiap hari dengan saiz sotong sekitar 13 hingga 15 sentimeter. Hidangan ini didatangi bersama sos manis. Restoran Man Ayam Kampung menyediakan hidangan produk Man Ayam Kampung dengan menggunakan ayam kampung kerana kurang lemak dan lebih baik untuk kesihatan. Ayam Kampung dilambung-lambung sehingga semua permukaan disaluti dengan rempah, kemudian digoreng panas-panas supaya sentiasa hangat. Man Ayam Kampung tersedia dalam bentuk percik dan gulai. Restoran Man Ayam Kampung membeli sotong besar dan segar setiap hari di Pasar Borong. Sotong Besar disaluti dengan rempah rahsia termasuk kunyit, digoreng kecil secara berterusan dan terus dihidang kepada pelanggan. Man Ayam Kampung boleh di makan bersama dengan ayam gorang dan sotong goreng serta sambal ikan bilis kacang.

Restoran Man Ayam Kampung menyajikan menu popular ayam kampung dan sotong goreng yang dihidangkan secara panas-panas, gulai kawah daging, siput sedut masak lemak, sambal bilis kristal dan gulai rebung. Bagi penggemar ulam, Restoran Man Ayam Kampung menyajikan 16 jenis ulam-ulaman termasuklah ulam raja, selom, jantung pisang, kacang botol, bendi, petai dan pegaga. Restoran Man Ayam Kampung menyediakan ulam-ulaman secara segar kepada pengguna bersama sambal belacan dan budu. Menurut pemilik Restoran Man Ayam Kampung juga menyajikan pelbagai air minuman seperti dua jenis jus iaitu mangga kisar dan jus durian belanda yang mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan kerana keaslian rasanya.

(dipetik dan dise

Berdasarkan kes di atas,

(*a*) terangkan aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran dan perkhidmatan yang diusahakan oleh Restoran Man Ayam Kampung. [14]

(*b*) terangkan proses pengeluaran yang terlibat dalam menghasilkan produk Man Ayam Kampung di Restoran Man Ayam Kampung. [16]

Jawab **satu** *soalan sahaja*.

12 Terangkan langkah-langkah penyelidikan pemasaran yang perlu dilakukan oleh sesebuah syarikat yang mengalami kemerosotan jualan tahunan. [20]

13 Terangkan elemen yang terlibat dalam pengambilan sumber manusia. [20]

PEPERIKSAAN PENTAKSIRAN DAERAH MUAR
PENGAJIAN PERNIAGAAN PENGGAL SATU
TAHUN 2019
SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1 Huraikan **tiga** peranan perniagaan kepada masyarakat. [6]

Tiga peranan perniagaan kepada masyarakat:-

1) Menyediakan pelbagai barang dan perkhidmatan [F-1]
- bagi memenuhi keperluan dan kehendak serta cita rasa masyarakat. [H-1]

2) Mewujudkan peluang perniagaan sampingan
- masyarakat boleh melibatkan perniagaan tahap huluan dan hiliran/ membekalkan barang separuh siap/ bahan mentah/ barang siap kepada perniagaan lain

3) Menyediakan peluang pekerjaan
- boleh meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat

4) Menjalankan tanggungjawab sosial
- perniagaan menghulurkan bantuan kepada orang ramai yang memerlukan

5) Menjaga alam sekitar
- memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan tidak menjejaskan kualiti alam sekitar

6) Meningkatkan kemudahan infrastruktur
- pembukaan perniagaan baharu menyebabkan pertambahan kemudahan infrastruktur/ awam

(F-1, H-1, 3 x 2m = 6m)

2 Senaraikan **empat** pihak berkepentingan bagi perniagaan klinik swasta. [4]

Empat pihak berkepentingan bagi klinik swasta:-

1) Pelanggan [F-1]
2) Pembekal
3) Pembiaya
4) Pemodal/pelabur
5) Pesaing
6) Kerajaan
7) Pekerja
8) masyarakat

(4 yang pertama dan perlu ada pengenalan jawapan)
(4 x 1m =4m)

3 Jelaskan **dua** kaedah pemeriksaan dalam proses kawalan kualiti. [4]

Dua kaedah pemeriksaan dalam proses kawalan kualiti:-

1) Pemeriksaan Menyeluruh [F-1]
- menyemak semua produk yang dikeluarkan bagi memastikan semua produk berkualiti dan mencapai standard piawai yang telah ditetapkan [H-1]

2) Pelan pensampelan
- mengambil beberapa contoh produk diuji kualiti supaya dapat menggambarkan kualiti produk keseluruhannya

(F-1, H-1)
(2 x 2m = 4m)

4 Huraikan **dua** kaedah kawalan inventori. [4]

Dua kaedah kawalan inventori:-

1) Kuantiti Pesanan Ekonomi (EOQ) [F-1]

- Menentukan kuantiti pesanan yang optimum boleh meminimumkan jumlah kos inventori [H-1]

2) Tepat Pada Masa (JIT)

- Inventori dipesan berdasarkan kuantiti yang hendak digunakan dalam proses pengeluaran bagi masa tertentu

3) Titik Pesanan Semula (ROP)

- Penetapan satu tahap/ bilangan kuantiti yang memerlukan pesanan dibuat semula supaya inventori berada pada tahap yang mencukupi

(F-1, H-1)
(2 yang pertama x 2m = 4m)

5 (a)Lakarkan saluran agihan produk pengguna yang melibatkan pengantaraan pemborong dan peruncit. [4]

(b) Berikan **satu** contoh bagi penggunaan saluran agihan produk pengguna. [2]

a) Saluran agihan produk pengguna yang melibatkan pengantaraan pemborong dan peruncit:-

Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna

(gambar rajah lengkap = 4m)

(b) Contoh produk keperluan pengguna dan perlu huraikan saluran agihan produk
Contoh : beras dikeluarkan oleh kilang padi, pemborong membeli dari kilang beras dan memecah pukal seterusnya menjual kepada kedai runcit dan terus jual kepada pengguna akhir.

(contoh lengkap = 2m)

6 Nyatakan **lima** langkah proses pembelian produk baharu. [5]

Lima langkah proses pembelian produk baharu:-

1) Menyedari [F-1]
2) Meminati
3) Menilai
4) Mencuba
5) Menerima

(Mesti ikut urutan, 5 x 1m = 5m)

7 *(a)* Jelaskan maksud *pembiayaan ekuiti.* [2]
(b) Nyatakan **tiga** kebaikan pembiayaan ekuiti. [3]

a) Maksud pembiayaan ekuiti:-
- Sumbangan modal oleh pemilik dalam bentuk saham, sumbangan rakan kongsi atau perolehan tertahan/ untung yang tidak dibahagikan [M-2]

b) Tiga kebaikan pembiayaan ekuiti:-
1. Ekuiti ialah modal tetap dan tidak perlu dibayar balik [F-1]
2. Pemilik ekuiti mempunyai kuasa terhadap pihak pengurusan
3. Boleh meningkatkan keupayaan firma membuat pinjaman
4. Ekuiti tidak mempunyai tempoh matang

(Maksud lengkap = 2m)
(3 yang pertama x 1m = 3m)

8 Huraikan **tiga** prinsip takaful. [6]

Tiga prinsip takaful ialah:
1) Kepatuhan syariah [F-1]
- tiada unsur gharar, maisir dan riba serta ada akad dan jual beli [H-1]
2) Menanggung risiko bersama
- peserta bersetuju menanggung kerugian jika berlaku kematian/ kemalangan peserta lain
3) Tabarru
- peserta menyumbang dengan ikhlas kepada takaful untuk membantu peserta lain yang mengalami risiko.
4) Simpanan/ pelaburan
- Peserta melantik takaful mengusahakan dana peserta dalam perniagaan yang mematuhi syariah

(F-1, H-1, 3 yang pertama x 2m = 6m)

HC2: Data dikumpul daripada maklumbalas pelanggan melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan melalui laman sesawang ASTRO atau email. [1].
HC3: Data diproses bagi mengenalpasti alasan yang diberikan pelanggan tentang pilihan mereka samada menggunakan atau tidak perkhidmatan ASTRO [1]

4. Menginterprestasikan dan melapor penemuan [F-1]
H1: Mentafsirkan/ menilai data untuk membuat satu rumusan [1]
H2: Mengemukakan rumusan dan cadangan kepada pihak pengurusan [1]
H3: Laporan boleh dibuat melalui pembentangan dan penulisan [1]
H4: Membuat keputusan pemasaran yang sesuai bagi menyelesaikan masalah [1]
HC1: Astro mendapati salah satu punca kemerosotan jualan ialah persaingan daripada syarikat telekomunikasi lain seperti UNIFI[1]
HC2: Cadangan kepada pihak ASTRO ialah mengekalkan perkhidmatan sedia ada atau menambah perkhidmatan lain dengan harga sesuai [1]

(F-1, 4Hx1m- 4 / 3H1C/ 2H2C)
(4 langkah x 5m = 20m)

SOALAN 13

Terangkan elemen yang terlibat dalam pengambilan sumber manusia. [20]

Elemen yang terlibat dalam pengambilan sumber manusia:-

1. Merekrut [F-1]
H1: merupakan proses menarik minat, mencari dan mengalakkan bakal calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan [1]
H2: Sumber pengrekrutan terdiri dari sumber dalaman dan sumber luaran organisasi [1]
H3: Pengrekrutan sumber dalaman boleh dibuat melalui pengumuman kerja di papan kenyataan, risalah organisasi, e-mel organisasi, pencalonan daripada penyelia atau rujukan pekerja [1]
H4: Pengrekrutan luaran boleh dibuat melalui iklan, agensi pekerjaan, head-hunting atau walk-in [1]

2. Pemilihan [F-1]
H1: merupakan proses menilai dan memilih pekerja terbaik untuk mengisi jawatan kosong dalam organisasi [1]
H2: Calon yang dipilih mestilah memiliki kelulusan dan kemahiran berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam spesifikasi kerja [1]
H3: Calon yang dipilih berdasarkan keperluan tugas yang terdapat dalam penghuraian kerja [1]
H4: Pemilihan melibatkan borang permohonan/ semakan rujukan/ temuduga/ ujian [1]

3. Penawaran Kerja [F-1]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar